

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

Penggunaan ChatGPT Dalam Keselamatan Makanan

NADYA HAJAR, NAEMAA MOHAMAD & EDDIE TAN TI TJIH

ChatGPT adalah salah satu platform komunikasi berteraskan kecerdasan buatan yang dibangunkan oleh OpenAI. Platform ini mampu memberikan respon kepada pelbagai pertanyaan dengan maklumat yang meluas, dan ini termasuk dalam bidang keselamatan makanan. Keselamatan makanan adalah aspek yang kritikal dalam industri makanan. Ini merangkumi pengawalan penyakit berjangkit daripada makanan, memastikan makanan bebas daripada bahan kimia berbahaya dan memastikan makanan yang dihasilkan mematuhi standard keselamatan makanan yang ditetapkan. Oleh yang demikian, satu kursus telah dianjurkan oleh Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan (BKMM), Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan (JKNNS) pada 4 Ogos 2023 bagi memberi pendedahan tentang bagaimana ChatGPT boleh diintegrasikan dalam bidang keselamatan makanan. Dengan bantuan ChatGPT, kakitangan boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur, piawaian, dan garis panduan keselamatan makanan dengan cepat. Selain itu, kursus ini juga memberi peluang kepada kakitangan untuk berinteraksi secara langsung dengan sistem ChatGPT, meningkatkan kefahaman mereka dan memastikan mereka boleh menggunakan alat ini dengan berkesan dalam tugas harian mereka.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Puan Roziaton Abdul Wahab, yang merupakan Timbalan Pengarah Bahagian Kesihatan Negeri (Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan) di JKNNS. Kehadiran untuk kursus ini mencakupi pelbagai latar belakang profesional, dengan jumlah peserta seramai 30 orang dari BKMM JKNNS serta pegawai-pegawai dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di seluruh Negeri Sembilan, termasuk Seremban, Kuala Pilah, Tampin, Rembau, dan Jempol. Dua orang pensyarah dari Jabatan Teknologi Makanan, Pusat Pengajian Teknologi Industri, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, iaitu Ts. Dr. Eddie Tan Ti Tjih dan Ts. Nadya Hajar, telah dijemput untuk memberikan ceramah. Ts. Dr. Eddie memberi penekanan kepada asas-asas penggunaan ChatGPT, memperkenalkan bagaimana sistem ini berfungsi dan bagaimana untuk menggunakan kata kunci (prompt) yang sesuai dalam konteks keselamatan makanan. Ini membolehkan peserta kursus mendapatkan gambaran praktikal dan mencuba sendiri fungsi-fungsi tertentu ChatGPT untuk kegunaan harian mereka. Ts. Nadya Hajar pula memfokuskan ceramahnya kepada penggunaan ChatGPT dalam kerja-kerja penyelidikan, berkongsi pengalaman serta kesan positif yang diperolehi daripada penggunaan platform ini dalam bidang penyelidikan.

Manfaat program ini antaranya produktiviti dan efisiensi dalam proses pengawasan dan penguatkuasaan keselamatan makanan, peningkatan kualiti maklumat yang diperolehi, dan peningkatan keupayaan kakitangan dalam mengambil keputusan adalah berdasarkan maklumat yang tepat dan semasa. Selain itu, dengan adanya ChatGPT, risiko kesilapan atau kekurangan maklumat boleh dikurangkan, memastikan keputusan yang diambil adalah berdasarkan data dan fakta yang sahih. Namun, penting untuk berhati-hati dalam menyampaikan informasi kepada masyarakat umum berkenaan keselamatan makanan, dan semestinya informasi dari ChatGPT perlu diperiksa dengan teliti sebelum disebar. Secara keseluruhan, penggunaan ChatGPT dalam bidang keselamatan makanan adalah satu langkah progresif dan inovatif yang boleh memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat dan industri makanan secara keseluruhan. Kursus ini adalah langkah awal dalam usaha memastikan teknologi ini dimanfaatkan sepenuhnya dalam bidang keselamatan makanan di Malaysia.



Kursus ini telah dilaksanakan di Makmal ICT, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.